

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

SAW202 - Kemiskinan dan Ketidaksamaan Sosial

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan sahaja.

1. Bincangkan konsep kemiskinan dan nyatakan konsepsi anda mengenai kemiskinan serta kemukakan pendekatan yang akan anda gunakan bagi mengatasi masalah kemiskinan di Malaysia.

(100 markah)

2. Huraikan ketidaksamaan sosial dari segi status dalam tiga masyarakat yang anda ketahui dan nyatakan kesan-kesan akibat ketidaksamaan tersebut.

(100 markah)

3. Bincangkan keadaan-keadaan objektif dan subjektif yang mencetuskan gerakan menentang ketidaksamaan yang dijuarakan oleh Omar Mukhtar di Libya dan Cheko Mandez di Brazil.

(100 markah)

...2/-

1996

4. Penjajahan telah menyebabkan ketidaksamaan sosial dan kemiskinan serta peminggiran penduduk pribumi di kebanyakan negara Dunia Ketiga. Bincangkan sejauhmanakah kemerdekaan telah dapat mengatasi masalah-masalah tersebut di Malaysia dan di negara Cina.

(100 markah)

5. Karl Marx dan Max Weber mempunyai perbezaan pandangan mengenai ketidaksamaan sosial. Bincangkan persamaan dan perbezaan pandangan mereka dengan merujuk kepada proses yang mereka kemukakan untuk memperkuatkan hujah masing-masing.

(100 markah)

6. Sejauhmanakah pendekatan Islam dapat digunakan untuk mengatasi masalah kemiskinan dan masalah-masalah sosial yang lain, yang diakibatkan oleh proses pensejagatan ekonomi? Jawapan anda hendaklah disertai alasan-alasan yang munasabah.

(100 markah)

- oo oo oo -